UNTUK SIARAN SEGERA

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN MULTI PURPOSE MISSION SHIP 1 (MPMS 1) AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA

---

1. **ISTANBUL, TÜRKİYE, 2 Oktober 2026 –** Majlis Pelancaran *Multi Purpose Mission Ship* 1 (MPMS 1) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah berlangsung di Desan Shipyard, Istanbul, Türkiye hari ini.

2. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Dalam Negeri, dan disaksikan oleh H.E. Mustafa Çiftçi, Menteri Dalam Negeri Türkiye; H.E. Mehmet Fatih Kacır, Menteri Industri dan Teknologi Türkiye; Admiral Ercüment Tatlıoğlu, Panglima Tentera Laut Türkiye; serta Mr. Cenk İsmail Kaptanoğlu dari Desan Shipyard.

3. Turut hadir ialah YBrs. Puan Ainah binti Mohd. Soon, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Dalam Negeri; YBhg. Laksamana Madya (M) Datuk Saiful Lizan bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Logistik), APMM; YBrs. Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din, Pengarah Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, Kementerian Ekonomi; TYT Adlan Mohd. Shaffieq, Duta Besar Malaysia ke Republik Türkiye; serta Encik Ahmad Amiri bin Abu Bakar, Konsul Jeneral Malaysia di Istanbul.

4. Majlis berkenaan turut dihadiri kira-kira 200 tetamu, terdiri daripada wakil Kerajaan Republik Türkiye serta pemain industri perkapalan dan maritim.

5. MPMS 1 dijadualkan siap sepenuhnya dan memulakan pelayaran ke Malaysia pada akhir Januari 2027. Pelancaran kapal berkenaan turut diserikan dengan simbolik pecahan botol yang mengandungi air laut dari Malaysia, melambangkan hubungan erat dan jalinan kerjasama antara Malaysia dengan Republik Türkiye. Majlis kemudiannya diteruskan dengan pelancaran MPMS 1 ke Laut Marmara.

6. Bersempena dengan majlis tersebut, Mesyuarat Dua Hala antara Menteri Dalam Negeri dengan Menteri Dalam Negeri Türkiye turut diadakan bagi membincangkan perkara-perkara berkepentingan bersama, termasuk usaha memperkukuh hubungan dua hala serta meneroka peluang kerjasama dan perkongsian teknologi, khususnya dalam bidang keselamatan dan industri maritim.

7. Pembinaan MPMS 1 merupakan manifestasi hubungan erat antara Malaysia dengan Republik Türkiye, khususnya dalam bidang keselamatan dan penguatkuasaan maritim. Perolehan aset strategik ini akan memperkukuh keupayaan operasi APMM dalam melaksanakan tanggungjawab menjaga keselamatan serta kedaulatan perairan negara.

8. Pelaksanaan projek ini turut membuka ruang kepada pengukuhan kerjasama dalam bidang pembinaan kapal, pembangunan industri maritim serta perkongsian kepakaran dan teknologi antara kedua-dua negara. Kerjasama tersebut mencerminkan komitmen Malaysia dan Republik Türkiye untuk terus memperluas hubungan strategik yang saling memberi manfaat.

9. Kementerian Dalam Negeri yakin bahawa kerjasama ini akan menjadi pemangkin kepada penerokaan bidang kerjasama baharu pada masa hadapan, di samping menyokong usaha Kerajaan untuk memperkukuh kesiapsiagaan serta keupayaan aset keselamatan negara secara berterusan.

Kementerian Dalam Negeri
2 Oktober 2026

— TAMAT —

Pertanyaan Media:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Dalam Negeri
mediaukom@moha.gov.my | pro@moha.gov.my